

Program anjuran bersama Media Mulia, JBPM untuk warga Putrajaya

# Mahsuri edar 1,000 pek bubur lambuk

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Syarikat Mahsuri Dagang Sdn. Bhd. (Mahsuri Dagang) terus menyemarakkan sambutan Ramadan dengan mengedarkan sebanyak 1,000 pek bubur lambuk di sekitar Presint 14, di sini semalam.

Aktiviti memasak bubur lambuk secara ‘rewang’ itu dibuat bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) selain mendapat kerjasama Media Mulia Sdn. Bhd. (Media Mulia).

Menurut Ketua Komersial Mahsuri Dagang, Mohd. Jazri Ikmal Hijaz, agihan bubur lambuk kepada warga JBPM dan penduduk sekitar merupakan sebahagian tanggungjawab sosial korporat pihaknya sempena Ramadan.

“Kempen kami ialah kongsi bubur lambuk bersama masyarakat, jadi acara kali ini bersama JBPM yang mana mereka ialah anggota unit uniform



**AHMAD TAJUDDIN** (dua dari kiri) menuang bubur lambuk ke dalam bekas pada program Kongsi Berkat Bubur Lambuk Wira Merah anjuran Mahsuri Dagang bersama Media Mulia di Ibu Pejabat JBPM Putrajaya semalam.

yang sentiasa berkhidmat untuk rakyat.

“Mereka kerja 24 jam dan sentiasa siap sedia untuk rakyat. Acara ini bagi hargai semula jasa

baik mereka kepada masyarakat,” katanya ketika ditemui pada Program Kongsi Berkat Bubur Lambuk Mahsuri Dagang bersama Media Mulia dan JBPM semalam.

Hadir sama, Pengarah Bukan Eksekutif Mahsuri Dagang, Datuk Ahmad Tajuddin Idris serta Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Media Mulia, Shereen

Wong serta Ketua Pengarah JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad

Mengulas lanjut, Mohd. Jazri berkata, menerusi penglibatan program itu, pihaknya juga mahu memberi jaminan kepada orang ramai bahawa produk Mahsuri Dagang halal untuk digunakan.

“Kami mahu menjelaskan bahawa produk Mahsuri Dagang berkualiti yang mana sos tiram yang digunakan untuk memasak bubur lambuk menggunakan ekstrak tiram sebenar.

“Sos tiram itu akan membolehkan pengguna untuk tidakgunakan banyak bahan dalam memasak, seterusnya memudahkan urusan di dapur,” ujarnya.

Untuk rekod, Mahsuri Dagang melaksanakan sebanyak tiga sesi agihan bubur lambuk sepanjang Ramadan tahun ini melibatkan penganjuran di Universiti Putra Malaysia, Ibu Pejabat JBPM dan Projek Perumahan Rakyat Semarak di Kuala Lumpur.